

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 21.5.2015 (KHAMIS)**

**TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah bilangan peniaga-peniaga yang sudah diambil tindakan dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 sejak GST dilaksanakan di Limbang.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Semenjak GST dilaksanakan pada 1 April 2015, **OPS CATUT Fasa 2** juga telah dilaksanakan oleh Kementerian ini sebagai tindakan penguatkuasaan secara terancang dan berfokus melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** ke atas keseluruhan rantaian pengedaran barang dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani tindakan oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan caj perkhidmatan tanpa sebab yang munasabah dengan menggunakan alasan GST.

Sehingga **14 Mei 2015**, **OPS CATUT Fasa 2** telah memeriksa sebanyak **283,245** premis perniagaan di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **815** kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM134,830** dan nilai kompaun sebanyak **RM122,250**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **819 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang.

Di Limbang, tiada kes khusus berhubung dengan pencatutan. Walau bagaimanapun sebanyak tujuh (7) peniaga telah diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana gagal meletakkan tanda harga, sembilan (9) tindakan kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 kerana peniaga gagal menentusahkan alat timbang dan sukat serta satu (1) tindakan kes di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999 kerana memberikan gambaran mengelirukan mengenai harga.